



● Pak Da Awang

berminat menyertai kejohanan ini kerana pihak pengajur menawarkan hadiah wang tunai yang lumayan juga. Seseorang pendekar yang terkenal seperti Junoh Udang Galah, Pak Tam (Thai) dan Mokhtar Cucu Datuk Merah biasanya menerima bayaran daripada \$600 hingga \$700 setiap pertandingan sama ada kalah atau menang.

### Lumayan

Bagi pendekar yang baru menempa nama atau baru masuk gelanggang akan menerima daripada \$200 hingga \$300. Bayaran

ini sungguh lumayan bagi mereka.

Beberapa tempat di Kelantan seperti Pasir Mas, Bunut Susu, Kuala Krai, Ketereh, Kadok dan beberapa tempat di selatan Thailand sentiasa menjadi tumpuan ramai setiap hujung minggu bila kejohanan ini berlangsung.

Publisiti terhadap pertandingan ini lebih hebat dari publisiti untuk sebarang pertunjukan pentas. Begitu juga sambutanannya kerana kejohanan ini diminati oleh orang tua dan muda.

Bagaimanapun, keremahan itu kini hilang begitu saja. Kejohanananya terus terhenti sama. Pendekar-pendekar silat cantik tinggal menyepi dan mereka sedar kegemilangan itu tidak mungkin berulang lagi.

**24 JUN 1984**  
Sambutan yang dingin daripada pihak tertentu, cukai hiburan yang tinggi, sukar mendapat lesen pertunjukan dan kerumitan mendapat permit membawa masuk pendekar Thailand, antara punca kejohanan itu tidak diadakan lagi. ■